

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 Jld.2/( 38 )

Tarikh : 13 Jun 2001

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Di Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Di Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH  
BILANGAN 10 TAHUN 2001**

---

**TANGGUNGJAWAB KETUA-KETUA JABATAN PERSEKUTUAN  
DIDALAM MEMANTAU DAN MENGUTIP SEMULA PERMOHONAN  
PENDAHULUAN DIRI / PELBAGAI YANG TELAH DILULUSKAN**

---

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa hasil daripada beberapa semakan yang dibuat dari semasa ke semasa, Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) mendapati terdapat Jabatan-jabatan / Agensi-agensi Persekutuan di Sabah tidak mematuhi sepenuhnya syarat-syarat yang ditetapkan didalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993 berkaitan dengan 'Pendahuluan Diri, Bayaran Elaun Sewa Hotel Dan Elaun Makan Serta Penetapan Had Minima' dan juga Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990 yang berkaitan dengan 'Pendahuluan Pelbagai'.

3. Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) mendapati banyak terdapat tunggakan Pendahuluan Diri/Pelbagai yang diluluskan oleh Jabatan/Agensi Persekutuan berkenaan, Kementerian Kewangan Malaysia dan Perbendaharaan Malaysia Sabah dan tunggakan ini gagal dikutip semula bayarannya oleh Jabatan/Agensi Persekutuan berkenaan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

4. Selain daripada itu, terdapat juga Jabatan/Agensi Persekutuan yang tidak mengambil berat terhadap pembayaran balik Pendahuluan Diri yang telah diluluskan kepada Pegawai-pegawainya bertujuan kerana pertukaran. Memandangkan kebiasaannya tuntutan pertukaran dibuat di pejabat baru, maka Ketua Jabatan yang asal Pegawai berkaitan adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan Ketua Jabatan yang baru bahawa Pegawai tersebut telah diluluskan Pendahuluan Diri. Dengan cara ini, Jabatan yang baru di mana pegawai ditukarkan dapat mengutip semula Pendahuluan Diri yang telah diluluskan melalui tuntutan pertukaran Pegawai berkaitan.

5. Dimaklumkan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) telah mengeluarkan satu Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sabah Bil. 4 Tahun 1998 berhubung dengan pematuhan syarat-syarat meluluskan Pendahuluan Diri yang menekankan serta menarik perhatian beberapa peruntukan peraturan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993, terutamanya yang terkandung di LAMPIRAN A kepada Surat Pekeliling berkenaan.

6. Sehubungan dengan itu, semua Ketua Jabatan/Agensi Persekutuan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah di ingatkan sekali lagi supaya mempertingkatkan kawalan dan kelulusan Pendahuluan Diri serta bertanggungjawab untuk mengutip semula Pendahuluan Diri yang telah diluluskan. Seseorang pegawai yang gagal untuk mengutip semula tunggakan Pendahuluan Diri/Pelbagai boleh disyorkan untuk dikenakan tindakan surcaj.

Sekian. Terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah,

T.T

( DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI )  
Pegawai Kewangan Persekutuan,  
Sabah.